

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1995/96

April 1996

AMU303 - STRATEGI PENGEDARAN

Masa: [3 jam]

---

**ARAHAH**

Sila pastikan kertas soalan ini mengandungi **EMPAT (4)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan. Soalan 1 dan Soalan 2 adalah **WAJIB**. Pilih **DUA** soalan daripada Bahagian B.

**Bahagian A (WAJIB)**

**Soalan 1**

Baca petikan berita (Utusan Malaysia, 21 Feb. 1995) di muka surat 2 dengan teliti. Petikan berita ini ialah mengenai beberapa isu strategi pengedaran yang dihadapi PROTON-DRB dan EON.

- (a) Senaraikan isu-isu strategi pengedaran yang terdapat dalam petikan berita tersebut.

[5 markah]

- (b) Berdasarkan isu utama strategi pengedaran yang terdapat dalam petikan berita tersebut, cadang dan bincangkan **LIMA (5)** strategi pengedaran yang boleh dilaksanakan PROTON-DRB/EON untuk meningkatkan pengedaran kereta tersebut.

[35 markah]

**Soalan 2**

Perlaksanaan strategi pengedaran yang mantap ialah untuk memastikan pencapaian saluran yang tinggi. Terdapat beberapa kaedah mengukur pencapaian saluran. Bincangkan bagaimana pencapaian saluran boleh diukur dari perspektif

- (a) makro atau masyarakat [5 markah]  
(b) mikro atau pengurusan [15 markah]

...2/-

Petikan Berita untuk Soalan 1.

# Ambil alih edar Wira aeroback

KUALA LUMPUR 21 Feb. — Usahasama PROTON-DRB (USPD) akan mengambil alih pengedaran dan penjualan kereta nasional Proton Wira jenis aeroback yang kini dikendalikan oleh Edaran Otomobil Nasional (EON) mulai April ini.

*Utusan* difahamkan, langkah tersebut yang disifatkan drastik oleh beberapa wakil EON antara lain bertujuan membolehkan syarikat itu memberi tumpuan kepada pengedaran Proton Iswara dan Wira jenis sedan termasuk Proton Perdana yang dilancarkan pada Januari lalu.

Sumber-sumber memeritahu *Utusan*, USPD kini mengadakan perbincangan dengan PROTON mengenai kemungkinan membolehkan ia menjadi pengedar tunggal kereta Proton Wira yang diperkenalkan pada Oktober 1993.

Menurut sumber itu, hasil perbincangan tersebut

but yang dimulakan awal bulan ini dijangka ketahui dalam masa beberapa minggu lagi.

Kata sumber itu, USPD mengemukakan permohonan untuk mengedari Proton Wira bagi membolehkan ia mempelbagaikan model kereta jualan dan mewujudkan pusat perkhidmatan secara serentak bagi kereta berkenaan dan Proton Satria.

USPD yang merupakan pengeluar dan pengedar utama kereta Proton Satria jenis tiga pintu adalah syarikat yang diwujudkan hasil kerjasama Diversified Resources Sdn. Bhd. (DRB), PROTON dan Erat Bakti Sdn. Bhd.

Sekiranya USPD mengambil alih hak pengedaran, pengeluaran kereta berkenaan masih dilakukan oleh PROTON.

Sementara itu, wakil EON ketika dihubungi memberitahu, EON yang menjadi pengedar tunggal sejak kereta nasional di-

perkenalkan pada tahun 1986, telah memaklumkan kesemua wakil pengedar bahawa kereta Wira tidak akan diperuntukkan mulai April ini.

Perkara tersebut dinyatakan menerusi surat pekeliling mengenai anggaran peruntukan yang dihantar baru-baru ini.

Lazimnya, EON akan memaklumkan wakil-wakil pengedarnya tentang anggaran peruntukan kereta setiap dua bulan sekali.

## Membabitkan

Untuk tempoh tiga bulan pertama tahun ini, EON memperolehi peruntukan 10,000 unit kereta membabitkan semua model termasuk Proton Wira jenis aeroback.

Wakil EON itu berkata, EON bersedia untuk melepaskan hak pengedaran memandangkan Proton Wira aeroback kurang mendapat sambutan yang memberangsangkan ber-

banding dengan jenis sedan.

"Buat masa sekarang, setiap bulan, kami hanya dibekalkan satu atau dua unit kereta Wira Aeroback, bukan sahaja kerana kapasiti pengeluaran malah kerana permintaan yang rendah berbanding dengan kereta-kereta Proton jenis sedan."

Kata wakil tersebut, salah satu sebab kemungkinan disebabkan oleh harganya yang tidak 'menarik' berbanding dengan versi sedan.

Berdasarkan harga terbaru yang dikuatkuasa mulai bulan lalu, model Wira aeroback 1.5 dijual pada harga RM52,747.88 manakala 1.6 manual (RM56,893.48) dan automatik (RM61,043.49).

Menurut wakil berkenaan, pihaknya juga telah menghentikan pengambilan tempahan baru melibatkan kereta jenis tersebut sejak awal bulan ini.

Sumber: Utusan Malaysia, 21 Feb. 1995.

...3/-

Bahagian B

Jawab DUA (2) soalan sahaja.

Soalan 3

- (a) Senaraikan perbezaan di antara Sistem Pemasaran Menegak (VMS) dan Saluran Pemasaran Konvensional.

[5 markah]

- (b) Bincangkan EMPAT (4) jenis organisasi Sitem Pemasaran Menegak.

[15 markah]

Soalan 4

Terdapat beberapa langkah perlu untuk membentuk saluran pengedaran yang berkesan. Bincangkan langkah-langkah yang terdapat dalam rangka-asas tindakan untuk membentuk saluran pengedaran yang berkesan.

[20 markah]

Soalan 5

Teori-teori pengedaran dan faktor yang mempengaruhi saluran boleh menerangkan struktur saluran pengedaran.

- (a) Bincangkan bagaimana Teori Penangguhan dan Spekulasi oleh Bucklin mempengaruhi struktur saluran pengedaran.

[12 markah]

- (b) Senarai dan bincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi struktur saluran pengedaran.

[8 markah]

**Soalan 6**

Strategi, struktur, operasi dan arahala peruncitan dan pemborongan dipengaruhi faktor tertentu yang sentiasa berubah.

- (a) Bincangkan perkembangan-perkembangan kritikal dalam peruncitan yang mempengaruhi strategi pengedaran.

[12 markah]

- (b) Bincangkan arahala dan perkembangan dalam pemborongan yang mempengaruhi strategi pengedaran.

[8 markah]

-oooOOOooo-